

Jangan cemar Ramadan dengan politik kebencian



NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED

BERSYUKUR kita kerana masih dipanjangkan umur dan sekali lagi diberi kesempatan bertemu dan menikmati keagungan bulan Ramadan yang mulia. Seperti yang kita sedia maklum, bulan Ramadan sudah sinonim dengan gelaran sebagai bulan beramal ibadat, bulan kemaafan dan bulan menyucikan diri dari segala salah dan silap serta dosa yang telah kita lakukan selama ini.

Justeru eloklah dalam bulan yang mulia ini kita berpesan, memberi nasihat malah meminta kepada segelintir ahli politik di negara ini agar tidak mencemari Ramadan dengan amalan politik kotor dan kebencian. Besarlah harapan kita agar ahli politik kita akan mengambil peluang ini untuk bermuhasabah diri, memperbetulkan tindak tanduk serta memperbaiki tingkah laku yang diamalkan selama ini yang seringkali diselubungi dengan pelbagai unsur cacian, tohmahan, penipuan, fitnah dan taktik kotor demi meraih sokongan serta kuasa yang pastinya tidak akan kekal untuk selama-lamanya.

Tindakan seperti ini walaupun hanya membabitkan segelintir ahli politik namun akhirnya akan mencemarkan keseluruhan institusi politik di negara kita. Malah ini juga mula mengikis tahap kepercayaan rakyat kepada mereka. Sempena bulan Ramadan ini hentikan segala taktik licik dan formula politik kebencian tersebut bukan sahaja demi menghormati bulan yang mulia ini tetapi juga sebagai langkah permulaan ke arah amalan politik yang lebih sihat, bersih, matang, profesional dan yang memberi manfaat kepada semua.

Secara umumnya harapan rakyat agar ahli politik akan insaf, memperbetulkan segala salah dan silap yang dibuat selama ini seterusnya merintis jalan ke arah memperkukuhkan perpaduan umat Islam dalam negara kita.

Aktiviti-aktiviti seperti ceramah politik yang menghentam dan memfitnah pihak-pihak tertentu supaya rakyat membenci pihak yang disasarkan wajar dihindari sepanjang bulan mulia ini malah sepatutnya langsung ditinggalkan. Hal ini penting kerana kebetulan pada tahun ini kita akan menyaksikan dua Pilihan Raya Kecil (PRK) iaitu di Kuala Kangsar, Perak dan di Sungai Besar, Selangor.



KITA kluatir andai ada pihak yang masih berhasrat untuk menyalahgunakan masjid untuk tujuan kepentingan politik mereka, lama-kelamaan masyarakat bukan saja marah malah semakin kecewa dan akan mula menjauhkan diri dari masjid. - GAMBAR HIASAN

Kita kluatir penyokong, jentera parti mahupun calon itu sendiri akan leka dalam ketaksuban berkempen dan meraih undi betapa mereka sedang berada di bulan yang cukup mulia. Justeru hindari sikap-sikap yang tidak menggambarakan cerminan peribadi seorang Muslim apatah lagi membuat tindakan-tindakan yang jelas mencemarkan nama baik Islam mahupun bulan Ramadan. Berkempenlah secara berhemah di samping menghormati umat Islam yang sedang berpuasa. Sesungguhnya calon mahupun parti yang bertanding dalam PRK ini memperoleh ruang dan peluang yang terbaik untuk membuktikan keikhlasan dan kejujuran mereka dalam mengemukakan janji dan manifesto serta meraih undi daripada pengundi sempena bulan yang mulia ini.

Sewajarnya bagi menghormati bulan Ramadan ini, ambil peluang yang terhidang untuk mengajurkan dan memperbanyakkan lagi program kemasyarakatan dan kerohanian yang boleh memeralihkan lagi bulan Ramadan seperti program tadarus al-Quran, Qiamullail, majlis berbuka puasa serta sumbangan kepada rumah-rumah kebajikan dan anak-anak yatim yang amat memerlukan bantuan kita. Ini sekali gus akan membolehkan ahli politik lebih mendekati rakyat dan menunaikan tanggungjawab mereka.

Dalam hal ini penyalahgunaan masjid untuk tujuan berpolitik juga perlu dielakkan. Cukuplah selama ini menggunakan masjid

untuk kepentingan peribadi dan agenda politik masing-masing dengan melemparkan segala jenis fitnah dan tohmahan yang diselitkan dalam khutbah, ceramah mahupun tazkirah agama yang diadakan. Ringkasnya, bebaskan masjid daripada unsur-unsur yang tidak bertamadun seperti ini.

Dalam konteks ini penulis menyanjung tinggi titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang mengingatkan semua masjid dan surau di Selangor agar tidak menjadikan tazkirah sepanjang Ramadan ini sebagai ceramah politik serta mengambil imam luar untuk solat tarawih. Perbuatan seperti ini wajar dihentikan. Biarlah umat Islam walau apapun pegangan ideologi politiknya bebas keluar masuk masjid dengan satu agenda, niat dan matlamat yang sama.

Kita kluatir andai ada pihak yang masih berhasrat untuk menyalahgunakan masjid untuk tujuan kepentingan politik mereka, lama-kelamaan masyarakat bukan saja marah malah semakin kecewa dan akan mula menjauhkan diri dari masjid. Apakah kita mahu menjadi punca penyebab dan menyumbang kepada keadaan seperti ini?

Dalam pada itu, kita juga berharap agar di bulan yang mulia ini usaha-usaha untuk menyatupadukan umat Islam yang berpecah kepada beberapa puak mengikut ideologi dan mazhab politik masing-masing akan diperhebatkan dan diperkukuhkan lagi. Sudah-sudahlah bujukan sesama

sendiri, sedarlah ini langsung tidak menguntungkan kita malah membuka lebih banyak ruang perpecahan dalam kalangan kita.

Akhirnya walaupun bilangan umat Islam ramai dan majoriti di negara ini tetapi akibat perpecahan kita menjadi minoriti dan sudah ada pihak yang mula mengambil kesempatan sehingga mempersoal dan mempertikaikan hak dan kedudukan agama rasmi negara ini. Penulis percaya jika keadaan ini berterusan kedudukan agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan bakal terancam dan tergugat.

Realitinya, kita terlalu suka berpolitik hingga lupa tentang adat, nilai-nilai murni serta budaya masyarakat kita. Justeru apa yang diharapkan ialah jika semua pihak dengan hati yang terbuka sanggup melupakan segala persengketaan, permusuhan, perbezaan pendapat dan pandangan maka kita percaya impian untuk melihat umat Islam di negara ini bersatu hati tidak mustahil menjadi kenyataan.

Pokok pangkalnya hindari politik kebencian yang menjadi penghalang besar kepada pencapaian impian tersebut dan usahlah mencemarkan Ramadan yang mulia ini dengan politik yang kotor. Gunakan kesempatan ini untuk mencari keredaan dan menambah pahala sebanyak yang mungkin dan bukannya terus menambah dosa politik sedia ada.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.